



## Kesalahan Menggalakkan Maksiat: Analisis Peruntukan Undang- Undang Jenayah Syariah Dan Cabaran Pada Masa Kini

## Undang-Undang Jenayah Syariah

87

### *The Offense of Encouraging Immorality: Analysing Provisions of Shariah Criminal Laws and Challenges Today*

Submitted: 13 February 2023

Revised: 17 April 2023

Accepted: 30 April 2023

E-Published: 30 April 2023

MUHAMMAD SHABERI

(Corresponding Author)

NUR DAYANA MOHD KHALIL

DAYANG PUTERI NAZIRAH IZHAR

AZIZAH MAT RASHID

AHMAD MISBAH MOHAMAD HILMI

Jabatan Undang-undang

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Bangi Selangor

muhammad\_shaberi@yahoo.com

ayananur23@gmail.com, nazirahsb97@gmail.com,

azizahrashid@kuis.edu.my

ahmadmisbah@kuis.edu.my

### ABSTRAK

Islam menghalang penganutnya dari melakukan maksiat mahupun perbuatan menggalakkan orang lain untuk melakukan maksiat. Walaupun, majoriti orang Islam tahu bahawa perbuatan melakukan maksiat dan menggalakkan orang lain untuk melakukan maksiat adalah berdosa namun perbuatan tersebut masih lagi dilakukan oleh sebab dorongan nafsu. Oleh itu, wujudnya undang-undang bagi mengawal masyarakat dari melakukan perbuatan tersebut. Walau bagaimanapun, undang-undang sedia ada dilihat kurang berkesan untuk menangani kesalahan menggalakkan maksiat. Meskipun hampir kesemua enakmen kesalahan jenayah syariah negeri mempunyai peruntukan berkaitan kesalahan menggalakkan maksiat, namun didapati kesalahan tersebut sangat jarang dikuatkuasakan. Maka perkara inilah yang mendorong penulis untuk mengkaji punca kesalahan menggalakkan maksiat ini sangat jarang dikuatkuasakan di Malaysia. Justeru, penulisan ini menjurus kepada tiga objektif iaitu pertama, menganalisis konsep pencegahan maksiat dari perspektif Islam. Kedua, mengkaji permasalahan peruntukan sedia ada dan cabaran masa kini dalam menguatkuasakan peruntukan kesalahan menggalakkan maksiat. Ketiga, mencadangkan penambahbaikan terhadap peruntukan sedia ada dan penyelesaian kepada aktiviti menggalakkan maksiat pada masa kini. Metodologi dalam penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu data-data dikumpul melalui kajian perpustakaan dan analisis dokumen-dokumen seperti





kajian-kajian terdahulu, jurnal, dan artikel-artikel berkaitan, akta, dan enakmen jenayah syariah negeri-negeri. Dalam penulisan ini penulis mendapati bahawa wujud beberapa masalah di dalam peruntukan yang sedia ada dan cabaran menguatkuasakannya pada masa kini. Maka oleh sebab itu penulis mencadangkan beberapa cadangan penambahbaikan terhadap peruntukan yang sedia ada dan penyelesaian terhadap aktiviti menggalakkan maksiat pada masa kini.

**Kata Kunci:** Galakan Maksiat, Undang-Undang Jenayah Syariah

### ABSTRACT

Islam prohibits its adherents from committing immoral acts or encouraging others to do so. Although the majority of Muslims are aware that engaging in immoral behaviour and encouraging others to engage in immoral behaviour is sinful, the act continues to be motivated by lust. Consequently, laws exist to prevent the community from committing such acts. However, the current law is viewed as less effective in combating the crime of encouraging immorality. Despite the fact that almost all state sharia criminal code enactments contain provisions related to the offence of encouraging immorality, such offences are rarely enforced. In light of this, the author is compelled to investigate the origins of the offence of encouraging this vice, which is rarely prosecuted in Malaysia. Thus, the purpose of this paper is threefold, beginning with an Islamic analysis of the concept of immorality prevention. Second, analyse the difficulties of enforcing the provision of the offence of encouraging immorality and the problems with the current provision. Third, suggest enhancements to the current provisions and solutions to activities that currently promote immorality. This paper employs a qualitative methodology, consisting of data collected through library research and analysis of documents such as previous studies, journals, and related articles, acts, and state syariah criminal statutes. In this paper, the author identifies some issues with the existing provision and the difficulty of enforcing it today. For this reason, the author offers some recommendations for enhancing the current provisions and addressing activities that promote immorality.

**Keywords:** Encouragement of Immorality, Sharia Criminal Law

### PENGENALAN

Maksiat adalah perbuatan yang melanggar perintah Allah dan termasuk di dalamnya adalah meninggalkan perintah Allah, dan melakukan apa yang dilarangnya (Kholid Saifulloh, 2019). Selain itu, menurut Fathi Ad-Duraini ahli usul fiqh, maksiat adalah segala perbuatan dan sifat yang meninggalkan perkara wajib serta melakukan perkara yang haram (Ensiklopedia Islam, 1994:133). Perbuatan seperti ini adalah berkaitan dengan hak-hak Allah SWT ataupun perbuatan yang berkaitan dengan hak-hak peribadi seseorang (Ensiklopedia Islam, 1994:133).

Dalam Muzakarah Fatwa Malaysia peringkat Kebangsaan yang bertarikh 2 Disember 2015 telah membincangkan mengenai Maksiat dari Perspektif Islam. Muzakarah telah



memutuskan bahawa maksiat dari segi bahasa bermakna derhaka dan maksiat dari segi istilah ialah perbuatan yang membawa dosa iaitu yang bertentangan dengan akidah, syariat dan ajaran Islam sama ada dengan melakukan larangan Allah dan Rasul atau meninggalkan suruhan Allah dan Rasul-Nya, dengan kata lain melakukan yang haram dan meninggalkan yang wajib. Perbuatan tersebut memberi kesan kepada kehidupan seseorang dalam akidah, syariat ataupun akhlak. Maksiat dalam apa jua bentuk sama ada kepada Allah dan Rasul, kepada manusia dan makhluk boleh merosakkan agama, iman, akhlak, kemuliaan diri dan kesejahteraan individu, keluarga, masyarakat, negara dan umat. Selain itu, jenis-jenis maksiat dibahagikan kepada dua iaitu maksiat kepada Allah dan Rasul iaitu meninggalkan perintah-Nya dan melakukan larangan-Nya dan yang kedua pula maksiat terhadap makhluk iaitu maksiat terhadap manusia, maksiat terhadap haiwan dan alam sekitar, dan maksiat terhadap harta awam (Portal Rasmi JAKIM).

Contoh-contoh maksiat iaitu, berjudi, minum arak, tidak solat, berkhawat, berzina dan banyak lagi. Dalam era sekarang, perkembangan teknologi bukan sahaja memudahkan urusan kehidupan kita seperti dapat berkomunikasi dari jarak jauh, dapat mempercepatkan perjalanan, dapat mengetahui masa dengan tepat, dapat meringankan beban kerja seperti mengangkat benda berat dan lain-lain. Bahkan sebaliknya juga memudahkan kita mengakses untuk melakukan maksiat seperti berjudi secara atas talian, bermain permainan lucuk, merompak duit dalam bank individu secara maya, pergaulan teramatlah bebas, dan banyak lagi. Justeru, perkembangan maksiat bergerak seiring perkembangan teknologi dan hal ini memberikan cabaran buat pihak berkuasa dalam mendepani masalah maksiat.

Kesan melakukan maksiat adalah Allah akan menurunkan azabnya ke atas muka bumi. Dalam kata lain bukan sahaja orang yang melakukan maksiat yang ditimpa azab tersebut bahkan orang-orang yang soleh juga turut merasakannya. Allah SWT telah memberi peringatan dalam al-Quran dalam Surah al-Anfal, ayat 25 yang bermaksud:

*Dan peliharalah dirimu daripada azab yang bukan hanya menimpa orang zalim di kalangan kamu sahaja dan ketahuilah Allah amat keras azab seksa-Nya.*

(Al-Anfal, 8: 25)

Imam Ahmad bin Hanbal juga meriwayatkan hadis dari Ummu Salamah, ia berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*Jika timbul maksiat pada ummatku, maka Allah akan menyebarkan azab (seksa) kepada mereka. Aku berkata: "Wahai Rasulullah, apakah tidak ada pada waktu itu orang-orang soleh?" Baginda menjawab: "ada". Aku bertanya lagi: "Apa yang akan Allah perbuat kepada mereka?" Jawab Baginda: "Allah akan menimpakan kepada mereka azab sebagaimana yang ditimpakan kepada orang-orang yang melakukan maksiat, kemudian mereka akan mendapat ampunan dan keredaan dari Tuhannya.*



(Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Begitulah yang disampaikan nabi kepada kita bahawa azab Allah SWT itu turun bukan hanya kepada pelaku dosa bahkan orang alim juga turut terkesan dengan perbuatan dosa yang telah dilakukan oleh suatu kaum pada masa itu. Allah SWT juga berfirman, dalam Surah al-Nahl, ayat 112 yang bermaksud:

*Dan Allah telah membuat suatu perumpamaan dengan sebuah negeri yang dahulunya aman dan tenteram, rezekinya datang kepadanya melimpah ruah dari segala tempat akan tetapi penduduknya mengingkari akan nikmat Allah, kerana itu Allah merasakan kepada mereka dengan kelaparan dan ketakutan disebabkan apa yang mereka lakukan.*

(Al-Nahl, 16 : 112)

Seperti kita semua maklum, manusia sangat mudah terjerumus melakukan maksiat. Oleh sebab itu, pentingnya ada undang-undang untuk mengawal manusia dari melakukan maksiat. Sebab itulah wujudnya peruntukan dalam undang-undang jenayah syariah berkaitan kesalahan-kesalahan yang bercanggah dengan hukum syarak. Bahkan wujud juga peruntukan menggalakkan maksiat dalam undang-undang jenayah syariah di negeri-negeri dalam Malaysia bagi menghalang dari berleluasanya perlakuan maksiat. Walaupun begitu, oleh sebab undang-undang syariah di Malaysia ini adalah di bawah bidang kuasa negeri-negeri, maka ada negeri-negeri yang memperuntukan kesalahan tersebut dan ada juga negeri-negeri yang tidak memperuntukannya.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Dalam era kemajuan teknologi kini, maksiat makin senang berkembang dengan mudahnya pelaku-pelaku maksiat ini mengakses laman-laman yang ada unsur-unsur maksiat yang mendorong kepada perbuatan tersebut. Selain itu, maksiat juga menyebar semakin meluas oleh sebab ramainya individu-individu di media sosial yang memberikan pengaruh buruk di media sosial seperti perbuatan mendedahkan aurat atau menunjukkan bahagian-bahagian tubuh yang boleh menaikkan syahwat orang yang melihatnya. Tidak terlepas juga wujud pula aplikasi-aplikasi yang menggalakkan masyarakat melakukan maksiat seperti permainan lucah, judi, platform yang menyediakan khidmat seks dan bermacam-macam lagi yang boleh mendorong individu itu melakukan maksiat. Hal ini jelas bahawa zaman yang kita sedang harungi ini adalah begitu mencabar dengan banyaknya wadah yang boleh menjerumuskan kita ke lembah kemaksiatan.

Undang-undang dicipta adalah untuk mengawal manusia dari melakukan perbuatan yang melampaui batas hukum syarak. Walau bagaimanapun, undang-undang sedia ada dilihat kurang berkesan untuk menangani kesalahan menggalakkan maksiat. Hal ini turut dirumuskan dalam kajian Azizah Mat Rashid *et al.* (2018) bahawa meskipun hampir kesemua enakmen kesalahan jenayah syariah negeri mempunyai peruntukan berkaitan kesalahan menggalakkan maksiat, namun didapati kesalahan tersebut



sangat jarang dikuatkuasakan. Maka perkara inilah yang mendorong penulis untuk mengkaji punca kesalahan menggalakkan maksiat ini sangat jarang dikuatkuasakan di Malaysia.

Justeru, dalam penulisan ini terdapat empat persoalan yang perlu dirungkai iaitu apakah konsep pencegahan maksiat dari perspektif Islam? Apakah masalah yang wujud dalam peruntukan sedia ada dan cabaran masa kini dalam menguatkuasakan peruntukan kesalahan menggalakkan maksiat? Bagaimanakah cara dan kaedah yang terbaik dalam mengatasi masalah yang dihadapi terhadap pencegahan menggalakkan maksiat pada masa kini?

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Oleh itu, penulisan ini menjurus kepada tiga objektif iaitu pertama, menganalisis konsep pencegahan maksiat dari perspektif Islam. Kedua, mengkaji permasalahan peruntukan sedia ada dan cabaran masa kini dalam menguatkuasakan peruntukan kesalahan menggalakkan maksiat. Ketiga, mencadangkan penambahbaikan terhadap peruntukan sedia ada dan penyelesaian kepada aktiviti menggalakkan maksiat pada masa kini.

## **METODOLOGI**

Penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu pengumpulan data melalui kajian perpustakaan dan analisis dokumen-dokumen seperti kajian-kajian terdahulu, jurnal, dan artikel-artikel berkaitan, akta, dan enakmen jenayah syariah negeri-negeri. Data-data kemudian dianalisis menggunakan metode induktif yang bertujuan mentafsirkan maklumat-maklumat berkaitan pencegahan maksiat dan kemudian membuat rumusan kajian dengan mencadangkan penambahbaikan kepada peruntukan kesalahan menggalakkan maksiat yang sedia ada demi mencapai objektif peruntukan tersebut.

## **KONSEP PENCEGAHAN MAKSIAAT DARI PERSPEKTIF ISLAM**

Apabila disebut pencegahan maksiat, ia begitu sinonim dengan perkataan *amar makruf* nahi mungkar. Namun apakah maksud sebenar *amar makruf* nahi mungkar ini? Maksud *amar makruf* ialah mengajak manusia melakukan perkara kebaikan, manakala *nahi mungkar* pula ialah mencegah manusia dari melakukan perkara yang tidak baik. Oleh itu, perkataan *amar makruf* dan *nahi mungkar* selalu digunakan untuk merujuk kepada maksud yang sama, iaitu mengajak manusia ke arah kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Sekurang-kurangnya lapan kali di dalam al-Quran, perkataan *amar makruf* dan *nahi mungkar* digunakan (Nur Al-Farhain Kamaruzaman, 2021). Ia merujuk kepada tanggung jawab setiap orang Islam dalam melaksanakan kewajipan *amar makruf nahi mungkar* tersebut. Firman Allah SWT yang bermaksud:



*Hendaklah terdapat antara kamu segolongan yang menyeru dengan kebaikan dan mencegah dari kemungkaran. Itulah golongan yang berjaya.*  
(Ali Imran, 3: 104)

Menurut al-Nawawi (1994), daripada ayat al-Quran di atas kewajipan menjalankan *amar makruf* dan *nahi mungkar* menjadi kewajipan ke atas sebahagian dari kalangan umat Islam sahaja. Dalam erti kata yang lain, ia bermaksud tugas *amar makruf* dan *nahi mungkar* adalah *fardu kifayah*. Namun, ia juga boleh bertukar menjadi *fardu 'ain* berdasarkan situasi misalnya apabila seorang individu sahaja yang tahu bahawa perkara yang sedang berlaku itu adalah salah dan dia sahaja yang mempunyai kemampuan untuk menanganinya (Alias Azhar & Muhammad Hafiz Badaruzaman, 2018)

Selain itu, kewajipan orang Islam melaksanakan *amar makruf* dan *nahi mungkar* juga disebut dalam sebuah hadis bermaksud:

*Siapa yang melihat kemungkaran hendaklah dia mengubahnya (taghyir) dengan tangan, jika dia tidak mampu hendaklah mengubahnya dengan lidah, jika dia tidak mampu hendaklah dia mengubahnya dengan hati, dan yang demikian itu adalah lemah-lemah iman*  
(Hadis Riwayat Sahih Muslim, No. 41, Kitab Iman, bab penjelasan tentang keutamaan-keutamaan dalam Islam dan apa saja dari perkara-perkara yang utama)

Merujuk hadis di atas, Rasulullah SAW menggunakan perkataan *taghyir* yang bermaksud kewajipan untuk mengubah perkara yang tidak baik kepada yang lebih baik dan mencegah sesuatu kemungkaran dari berlaku. Bahkan, hadis itu menunjukkan bahawa semua orang Islam harus melaksanakan *amar makruf* dan *nahi mungkar* secara berperingkat. Pertama ialah dengan perbuatan, kedua ialah dengan perkataan, dan yang ketiga ialah dengan hati (Nur Al-Farhain Kamaruzaman, 2021).

Seterusnya, dalam sebuah hadis lain yang bermaksud:

*Sesungguhnya Rasulullah SAW melalui sebuah pasar (menjual makanan) dan singgah di sebuah kedai. Kemudian baginda memasukkan tangannya ke dalam sebuah bekas yang mengandungi makanan didapati tangannya basah. Lantas, baginda berkata kepada penjual tersebut: "Kenapa kamu tidak meletakkan makanan yang basah di bahagian atas supaya dilihat oleh orang ramai?" Kemudian baginda bersabda, "Sesiapa yang menipu, bukan daripada golonganku.*  
(Hadis Riwayat Muslim, No 102, Kitab iman, bab barang siapa menipu kami bukan dari golongan kami)

Merujuk ayat al-Qur'an surah Ali Imran 114 dan juga hadis di atas bahawa kewajipan *amar makruf* dan *nahi mungkar* itu wajib ke atas setiap individu Muslim. Selain itu, Muhammad b. Jarir al-Tabari (2001) (m. 313/925) telah menekankan bahawa umat



Islam tidak dibenarkan untuk membiarkan sahaja kemungkaran berlaku bagi dapat menghindarkan dari ditimpa bencana Allah SWT. Al-Nawawi (1994) pula berpandangan bahawa istilah *taghyir* itu memberi maksud arahan yang wajib dilakukan. Ibn Taymiyyah (1976) pula menambah, tugas mencegah kemungkaran yang disebut dalam hadis itu adalah fardu kifayah mengikut kepada kemampuan yang ada pada setiap individu. Menurut Alias Azhar et al. (2018) ketiga-tiga pandangan ini memberikan satu kesimpulan yang tuntas bahawa *amar makruf* dan *nahi mungkar* adalah wajib ke atas setiap Muslim.

Menurut Imam Al-Ghazali (1980) di dalam kitabnya *Ihya 'Ulumuddin*, seorang muslim dalam melaksanakan *amar ma'ruf nahi mungkar* hendaklah sentiasa perhatikan etika dan adab, sebab dengan cara tersebut ajaran Islam dapat diterima oleh masyarakat. Imam Al-Ghazali juga mengajar beberapa langkah dalam mengerjakan *amar ma'ruf nahi mungkar*, langkah paling awal adalah dengan *ta'arruf* iaitu (menenal pelaku perbuatan mungkar), kemudian memberinya pengajaran dan nasihat dengan lemah lembut. Tetapi jika dengan hal tersebut apa yang kita sampaikan tidak dapat didengar maka boleh menggunakan kekerasan (tegas) (Mar'atus Sholihah, 2019).

Menurut Imam Syahid Hasan Al-Banna, *amar makruf* dan *nahi mungkar* ini adalah mengajak manusia kepada agama Allah, iaitu mengikuti petunjuk-Nya, melakukan segala perintah-Nya di atas muka bumi serta mentauhidkan Allah SWT dalam hal-hal ibadat. Kemudian, kita berlepas diri dari *taghut* dan hanya mentaati Allah, membenarkan apa yang dinyatakan benar oleh Allah dan menyalahkan apa yang dinyatakan salah, menyuruh pada kebaikan, mencegah kemungkaran dan berjihad di jalan Allah (Jamilah, 2017).

Oleh yang demikian, setelah mengambil kira pandangan beberapa fuqaha' di atas, dapatlah dirumuskan iaitu wujud beberapa penilaian dalam pencegahan maksiat dari perspektif Islam. Yang pertama, hukum bagi tugas *amar makruf* dan *nahi mungkar* adalah fardu kifayah namun begitu setiap orang hendaklah memainkan peranan dalam kewajipan mencegah dari berlakunya kemaksiatan. Yang kedua, iaitu fungsi *amar makruf* dan *nahi mungkar* adalah sebagai cara untuk mencegah berleluasanya maksiat serta dapat mengelakkan dari ditimpa bencana oleh Allah SWT kepada sesuatu penduduk dan ia dapat menjamin keharmonian dalam masyarakat. Yang ketiga, ialah tugas *amar makruf* dan *nahi mungkar* berhubung kait dengan proses *ta'dib* (mendidik) iaitu ia dapat mendidik masyarakat jahil iaitu tidak tahu agar menjadi orang yang alim iaitu mengetahui dan membentuk peribadi yang baik. Yang keempat, iaitu kaedah *amar makruf* dan *nahi mungkar* ini hendaklah dibuat secara lemah-lembut, namun jika ia tidak dapat diatasi dengan lemah-lembut maka bolehlah menggunakan kekerasan.

## **PERMASALAHAN PERUNTUKAN SEDIA ADA DAN CABARAN MASA KINI DALAM MENGUATKUASAKAN PERUNTUKAN KESALAHAN MENGGALAKKAN MAKSIAT**

Menurut Yusuf al-Qardhawi (2012) undang-undang dalam membentuk sesebuah masyarakat adalah penting dan perlu kerana pensyariatatan atau perundangan adalah



nilai kekuatan yang utama kepada sesebuah masyarakat untuk menguruskan perhubungannya dan menghukum sesiapa yang tidak mengikut kaedahnya sama ada perundangan ini keluar dari bumi atau turun dari langit. Ini disebabkan hati nurani dan dorongan-dorongan jiwa tidak memadai bagi memelihara keselamatan masyarakat serta strukturnya dari aspek material dan moral, serta menegakkan keadilan di kalangan manusia. (Azizah Mat Rashid *et al.*, 2018)

Setelah penulis meneliti kesemua enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia, terdapat beberapa masalah yang wujud dalam peruntukan sedia ada dan menjadikan ia satu cabaran pada masa kini bagi menguatkuasakan peruntukan tersebut:

I. Tidak memperuntukkan kesalahan menggalakkan maksiat

Majoriti negeri memperuntukkan undang-undang berkaitan menggalakkan maksiat dan menjadikan ia sebagai satu kesalahan dalam enakmen/akta jenayah syariah negeri. Namun, terdapat tiga buah negeri yang tidak memperuntukkan kesalahan menggalakkan maksiat iaitu Selangor, Melaka, dan Negeri Sembilan.

II. Peruntukan yang tidak jelas

Selain itu, penulis juga mendapati bahawa walaupun peruntukan kesalahan menggalakkan maksiat ini diperuntukkan di kebanyakan negeri namun, peruntukan tersebut tidak jelas di mana perkataan maksiat di dalam peruntukan itu tidak ditafsirkan dalam mana-mana enakmen kesalahan jenayah syariah negeri secara khusus untuk merujuk kepada apa-apa perbuatan atau perlakuan. Natijahnya, ketiadaan tafsiran yang khusus ini bererti tafsirannya adalah terlalu umum dan sudah tentunya boleh merangkumi apa-apa sahaja perlakuan maksiat yang dimaksudkan dalam Islam (Azizah Mat Rasyid *et al.*, 2018). Walaupun begitu, penulis berpendapat bahawa ia bukanlah suatu masalah yang besar sehingga pihak berkuasa tidak dapat menjalankan tugas mereka untuk mencegah dari berlakunya aktiviti menggalakkan maksiat. Bahkan, penulis melihat dari sudut positifnya bahawa peruntukan yang memberikan tafsiran yang umum inilah yang membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan terhadapnya kerana apa yang pasti wujudnya peruntukan atau undang-undang tersebut.

III. Perbezaan hukuman yang wujud di antara negeri

Seterusnya, penulis melihat bahawa peruntukan bagi kesalahan menggalakkan maksiat yang ada ini wujud perbezaan dari sudut hukumannya di antara negeri iaitu Pahang, Kelantan, Perlis dan selain dari tiga negeri ini. Negeri Pahang adalah negeri contoh yang terbaik yang memperuntukkan hukuman maksimum iaitu denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau disebut tidak melebihi 6 kali atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu. Manakala, negeri Perlis pula memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya. Sedangkan, negeri Kelantan pula



memperuntukan hukuman yang paling minimum iaitu denda tidak melebihi RM500 atau penjara tidak melebihi 4 bulan atau kedua-duanya. Ketiga-tiga buah negeri ini adalah contoh wujudnya perbezaan hukuman bagi kesalahan menggalakkan maksiat di antara negeri. Maka, penulis berpandangan bahawa secara logiknnya negeri yang mempunyai peruntukan hukuman yang paling rendah adalah negeri yang berpotensi untuk menghadapi kesalahan jenayah menggalakkan maksiat yang paling tinggi.

#### IV. Hukuman yang terbatas

Walaupun negeri Pahang adalah negeri contoh yang telah memperuntukan hukuman yang maksimum namun, penulis berpandangan bahawa hukuman itu masih lagi perlu ditingkatkan bagi menghalang dari meluasnya maksiat dan aktiviti-aktiviti yang menganjurkan maksiat. Namun, oleh sebab mahkamah syariah di Malaysia mempunyai had hukuman maksimum iaitu tidak melebihi RM5,000, 3 tahun penjara dan 6 kali sebatan maka hal ini tidak dapat dilaksanakan (Akta Mahkamah Syariah 1984, seksyen 2)

#### V. Bentuk hukuman yang ringan

Kemudian, setelah penulis mengkaji peruntukan kesalahan menggalakkan maksiat setiap negeri dalam Malaysia. Apa yang dapati penulis iaitu masih ada negeri yang meletakkan hukuman yang masih ringan terhadap kesalahan ini contohnya negeri Kelantan yang hanya memperuntukkan hukuman iaitu denda RM500 atau 4 bulan penjara atau kombinasi kedua-dua hukuman tersebut. Berbeza dengan negeri Pahang yang memperuntukkan hukuman maksimum iaitu denda RM5,000 atau penjara 3 tahun atau 6 kali sebatan atau kombinasi bagi hukuman-hukuman tersebut. Penulis berpandangan adalah tidak wajar jika meletakkan hukuman yang masih ringan bagi kesalahan ini oleh sebab perbuatan mengajak melakukan maksiat inilah yang akan mendorong kepada berleluasanya maksiat. Dan dengan memperuntukan hukuman yang tidak berat ini, seolah-olah ia tidak mencapai objektif undang-undang itu dibuat iaitu bagi mengawal dan dari berleluasanya maksiat.

#### VI. Tidak memperuntukan jenis kesalahan yang berlaku di dalam talian

Di samping itu, penulis mendapati bahawa peruntukan yang sedia ada ini masih lagi lemah oleh sebab di dalam peruntukan ini tidak dinyatakan kesalahan yang berlaku di media sosial. Sedangkan pada masa kini kebanyakan orang mudah terpengaruh dari media sosial dengan ajakan-ajakan ke arah melakukan maksiat. Dan banyak juga aplikasi-aplikasi yang wujud yang berbentuk digital sama ada permainan atau tujuan bersosial mahupun laman pornografi yang mana memberi kesan yang buruk dan pengaruh yang negatif kepada masyarakat. Hal ini menyukarkan pihak berkuasa untuk mengambil tindakan kepada pihak-pihak yang membuat aplikasi dan laman sesawang tersebut jika mereka adalah beragama Islam dan juga akan menyukarkan pihak berkuasa untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang mengajak orang melakukan maksiat secara dalam talian (*online*).



Jadual di bawah merupakan ringkasan peruntukan undang-undang kesalahan menggalakkan maksiat di setiap negeri dalam Malaysia.

Jadual 1: Peruntukan Kesalahan Menggalakkan Maksiat Negeri-negeri

Negeri & Seksyen	Peruntukan kesalahan	Hukuman
Pahang Seksyen 42	Mana-mana orang yang menganjurkan, mendorong atau menggalakkan orang lain untuk melakukan apa-apa maksiat melakukan suatu kesalahan.	- Denda tidak melebihi RM5,000 atau - Penjara tidak melebihi 3 tahun atau - Disebat tidak melebihi 6 kali atau - Dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
Kelantan Seksyen 23	Sesiapa yang menganjur, memujuk atau menggalakkan mana-mana orang melakukan apa-apa pekerjaan maksiat adalah bersalah atas suatu kesalahan.	- Denda tidak melebihi RM500 atau - Penjara selama tempoh tidak melebihi 4 bulan atau - Kedua-duanya.
Perlis Seksyen 22	Mana-mana orang yang menganjur, memujuk atau menggalakkan mana-mana orang melakukan apa-apa pekerjaan maksiat adalah bersalah atas suatu kesalahan.	- Dengan tidak melebihi RM1,000 atau - Penjara tidak melebihi 6 bulan atau - Kedua-duanya.
Perak Seksyen 29	Seseorang yang menganjur, memujuk atau menggalakkan mana-mana orang melakukan apa-apa pekerjaan maksiat adalah melakukan suatu kesalahan.	- Denda tidak melebihi RM5,000 atau - Penjara tidak melebihi 3 tahun atau - Kedua-duanya
Terengganu Seksyen 42	Mana-mana orang yang menganjurkan, mendorong atau menggalakkan orang lain untuk melakukan apa-apa maksiat adalah melakukan suatu kesalahan.	
Kedah Seksyen 31	Mana-mana orang yang menganjurkan, mendorong atau menggalakkan orang lain untuk melakukan apa-apa maksiat adalah melakukan suatu kesalahan.	
Wilayah Persekutuan Seksyen 35	Mana-mana orang yang menganjurkan, mendorong atau menggalakkan orang lain untuk melakukan apa-apa maksiat adalah melakukan suatu kesalahan.	



Pulau Pinang Seksyen 35	Mana-mana orang yang menganjur, mendorong atau menggalakkan orang lain untuk melakukan apa-apa maksiat adalah melakukan suatu kesalahan.	
Sarawak Seksyen 32	Mana-mana orang yang menganjur, mendorong atau menggalakkan orang lain untuk melakukan apa-apa maksiat adalah melakukan suatu kesalahan.	
Sabah Seksyen 89	Seseorang yang menganjur, memujuk atau menggalakkan mana-mana orang melakukan apa-apa pekerjaan maksiat adalah bersalah atas suatu kesalahan.	
Johor Seksyen 35	Mana-mana orang yang menganjurkan, mendorong atau menggalakkan orang lain untuk melakukan apa-apa maksiat adalah melakukan suatu kesalahan.	
Selangor	Tiada	
Melaka	Tiada	
Negeri Sembilan	Tiada	

(Sumber: Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri)

Menurut Siti Zubaidah (2014), pelaksanaan undang-undang bukan hanya dilihat pada aspek undang-undang *substantive* tetapi juga perlu melihat kepada sistem secara menyeluruh yang saling berkait iaitu melibatkan pelbagai agensi di segenap peringkat. Seiring dengan pandangan tersebut, Daud Muhammad (2015) merumuskan tiga sistem yang perlu berperanan penting dalam sesuatu pelaksanaan undang-undang iaitu penguatkuasaan dan siasatan, pendakwaan dan hukuman. Namun, oleh kerana wujudnya kelompangan pada tafsiran peruntukan undang-undang tersebut maka sukarlah bagi pihak berkuasa agama untuk menjalankan tugas mereka sebagai pihak yang mencegah kepada perbuatan maksiat (Azizah Mat Rasyid *et al.*, 2018).

Justeru itu, penulis akan mencadangkan beberapa cadangan penambahbaikan terhadap peruntukan sedia ada dan memberikan penyelesaian yang efektif dalam menangani aktiviti menggalakkan maksiat pada masa kini.



## **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN TERHADAP PERUNTUKAN SEDIA ADA DAN PENYELESAIAN KEPADA AKTIVITI MENGGALAKKAN MAKSIAH PADA MASA KINI**

### **Cadangan Penambahbaikan Terhadap Peruntukan Sedia Ada**

Setelah meneliti masalah-masalah yang wujud dalam peruntukan sedia ada ini penulis mencadangkan beberapa cadangan untuk penambahbaikan peruntukan tersebut:

#### I. Memperuntukkan kesalahan menggalakkan maksiat di setiap negeri

Penulis berpendapat bahawa peruntukan yang sedia ada bagi kesalahan menggalakkan maksiat ini perlu diperuntukan di setiap negeri iaitu negeri Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan yang belum memperuntukkan kesalahan ini. Hal ini membolehkan penguat kuasa di negeri tersebut untuk mengambil tindakan terhadap kesalahan menggalakkan maksiat.

#### II. Menjelaskan peruntukan yang kabur

Selain itu, penulis juga berpandangan peruntukan menggalakkan maksiat yang sedia ada ini perlu ditambah baik dengan menggunakan maksud yang jelas seperti persoalan maksud maksiat yang wujud dalam peruntukan tersebut. Penulis mencadangkan seeloknya di dalam peruntukan tersebut perlu ada tafsiran bagi maksud maksiat. Hal ini adalah bagi memberikan maksud yang jelas kepada pengamal undang-undang mahupun pihak-pihak lain yang terlibat terhadap peruntukan tersebut.

#### III. Menyelaraskan bentuk hukuman di antara negeri

Seterusnya, penulis mencadangkan supaya hukuman terhadap kesalahan menggalakkan maksiat di dalam peruntukan ini diselaraskan bagi setiap negeri. Hal ini adalah bertujuan untuk menunjukkan bahawa semua negeri memandang serius terhadap kesalahan ini iaitu semua negeri ingin mengangkat darjat agama Islam di tempat yang tertinggi dan mulia.

#### IV. Meningkatkan kadar had hukuman dalam akta Mahkamah Syariah

Kemudian, penulis juga menyarankan agar kadar hukuman bagi kesalahan jenayah syariah dalam Akta Mahkamah Syariah 1984 ditingkatkan. Perkara ini sangat penting kerana ia telah menghalang dari negeri-negeri memperuntukkan hukuman yang lebih berat terhadap kesalahan menggalakkan maksiat.

#### V. Menggantikan hukuman yang lebih berat

Di samping itu, penulis mencadangkan peruntukan sedia ada ini yang memperuntukkan hukuman yang ringan seperti negeri Kelantan iaitu denda RM500 atau 4 bulan penjara atau kombinasi kedua-dua hukuman tersebut diganti dengan hukuman maksimum



iaitu denda RM5,000 atau penjara 3 tahun atau 6 kali sebatan atau kombinasi bagi hukuman-hukuman tersebut kerana kesalahan menggalakkan maksiat ini bukanlah suatu kesalahan yang ringan kerana ia mengajak masyarakat Islam untuk melakukan maksiat. Dalam kata lain, ia tidak dapat mencapai objektif peruntukan ini dibuat iaitu untuk menghalang dari berlakunya maksiat secara berleluasa dalam negara kita.

VI. Memperuntukan jenis kesalahan yang berlaku di dalam talian

Akhirnya, penulis menyarankan supaya di dalam peruntukan yang sedia ada ini hendaklah memperuntukan jenis kesalahan yang berlaku di dalam talian contohnya berjudi secara atas talian, dan bermain permainan lucah. Hal ini bertujuan untuk memudahkan pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan aktiviti menggalakkan maksiat ini dalam talian.

### **Penyelesaian Kepada Aktiviti Menggalakkan Maksiat Pada Masa Kini**

Kemodenan teknologi pada hari ini telah menyebabkan mudahnya kesalahan galakan maksiat ini berlaku contohnya di aplikasi Live Tiktok perbuatan lelaki yang berpakaian dan berhias seperti perempuan, dan yang telah merubah bentuk badannya mempunyai ramai pengikut yang turut mendorong orang lain untuk berbuat demikian seolah-olah perbuatan berhias seperti perempuan dan merubah bentuk badan itu adalah tidak salah dan perkara biasa. Hal ini sangat membimbangkan kerana boleh mengakibatkan kesan yang negatif terhadap lapisan masyarakat tanpa mengira golongan muda mahupun golongan tua. Sekiranya jenayah ini tidak dibendung, keruntuhan akhlak dan moral di kalangan masyarakat terus berlaku yang mengakibatkan masalah-masalah yang lagi besar timbul seperti lambakan kelahiran anak luar nikah, peningkatan jenayah buang bayi dan sebagainya. Bagi mengelakkan hal ini berlaku, langkah penyelesaian aktiviti galakan maksiat perlu dilaksanakan agar aktiviti galakan maksiat semakin berkurang dan masyarakat sedar akibat melakukan aktiviti galakan maksiat.

Antara langkah penyelesaian yang boleh dilakukan bagi menghalang aktiviti yang menggalakkan maksiat ialah setiap negeri mestilah memperuntukan kesalahan menggalakkan maksiat ini bagi memastikan setiap negeri dapat mengatasi masalah tersebut. Hal ini kerana jika ada negeri yang tidak memperuntukan kesalahan jenis ini maka akan berlaku kepincangan bagi penguatkuasaan kesalahan jenis ini di dalam negara. Oleh sebab itu, pentingnya peruntukan ini diselaraskan di setiap negeri.

Selain itu, pindaan juga perlu dilakukan dengan menaikkan hukuman yang paling maksimum bagi kesalahan ini. Sebagai contoh, hukuman yang sedia dalam peruntukan seksyen 35 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 ialah denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun. Berdasarkan hukuman ini, boleh ditambahkan dengan enam kali sebatan.

Seterusnya, dari aspek pentadbiran pihak kerajaan negeri-negeri mestilah menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada dengan tegas. Pihak penguat



kuasa agama perlu komited dalam menjalankan tanggungjawab seperti membuat serbuan di tempat-tempat yang disyaki adanya aktiviti yang menggalakkan maksiat secara berkala. Selain itu, pihak yang berautoriti iaitu ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) boleh membuat pindaan terhadap peruntukan-peruntukan yang sedia dengan menjelaskan secara mendalam berkenaan dengan aktiviti menggalakkan maksiat seperti mewujudkan undang-undang kecil berkenaan jenayah tersebut.

Kemudian, Kementerian Komunikasi dan Digital juga perlulah sentiasa memantau laman-laman sesawang yang membolehkan masyarakat mengakses laman-laman yang tidak sepatutnya. Seperti laman sesawang yang melibatkan judi di dalam talian, pornografi dan lain-lain.

Di samping itu, langkah penyelesaian seterusnya yang boleh dilakukan ialah memberikan kesedaran kepada masyarakat berkenaan dengan kesalahan menggalakkan maksiat ini. Segelintir masyarakat masih kurang pendedahan dengan kesalahan ini dan terus menerus melakukan aktiviti yang menggalakkan maksiat. Antara aktiviti yang boleh memberikan kesedaran ialah melalui kempen-kempen di laman sesawang, media sosial, dan mana-mana platform yang digunakan oleh masyarakat, ceramah yang disampaikan oleh cendekiawan dan aktiviti-aktiviti lain yang bersesuaian. Kesedaran ini tidak terbatas kepada kesalahan jenayah itu sendiri, tetapi memberi pendedahan juga berkenaan dengan hukuman yang berat akan dikenakan kepada sesiapa yang melakukan jenayah tersebut.

Kesimpulannya, setiap pihak yang berautoriti seperti ahli Dewan Undangan Negeri dan Kementerian Komunikasi dan Digital perlu berusaha untuk melaksanakan langkah-langkah ini bagi mengurangkan kadar jenayah menggalakkan maksiat ini dari terus berlaku. Selain itu, masyarakat perlu memantapkan ilmu agama dalam diri agar tidak mudah terpedaya untuk melakukan maksiat.

## **RUMUSAN**

Hasil daripada penelitian bacaan yang telah dibuat, penulis mendapati bahawa ajaran Islam begitu mengambil berat berkaitan pencegahan maksiat oleh sebab maksiat yang tidak dicegah akan menyebabkan ia berleluasa dan sukar dibendung. Tugas mencegah ini juga bukanlah semata-mata diletakkan di atas bahu pemimpin bahkan masyarakat juga perlu memainkan peranan dalam mencegah maksiat dari berlaku. Tidak semestinya perlakuan maksiat baru hendak berlaku baru hendak mencegah, bahkan apa-apa perbuatan atau perlakuan yang mendorong atau menggalakkan individu untuk melakukan maksiat juga semestinya dicegah.

Dalam pada itu, penulis juga mendapati bahawa peruntukan yang sedia ada bagi kesalahan menggalakkan maksiat di setiap negeri masih lagi kabur dan perlu ditambah baik. Hal ini kerana jika kekebunan ini masih lagi kekal, tindakan yang hendak diambil terhadap individu atau mana-mana pihak yang memberikan galakan untuk melakukan maksiat ini akan terbantut. Wajarliah jika ia dipinda sesegera mungkin oleh



kerana ingin memastikan negara Malaysia bebas dari aktiviti-aktiviti maksiat yang kini makin membarah.

## PENGHARGAAN

Penulis tidak menerima sebarang dana bagi penyelidikan, penulisan dan penerbitan artikel ini.

## RUJUKAN

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1980. *Ihya' Ulumuddin*. Beirut: Dar al Rasyad al Hadithah.

Alias Azhar & Muhammad Hafiz Badarulzaman. 2018. *Pendekatan Amar Makruf Dan Nahi Mungkar Dalam Kerangka Hisbah: Amalan Penguat Kuasa Jenayah Syariah Di Malaysia*. International Journal of Law, Government and Communication. Volume: 3 Issues: 9. 57-68]

Alias Azhar. 2018. *Integrasi Hisbah Dan Dakwah Dalam Prosedur Penguatkuasaan Undang-Undang Kesalahan Maksiat Dan Jenayah Khalwat Di Malaysia*. Jurnal Hukum dan Pemikiran Vol 18, No 1, 119-138.

Al-Nawawi, Yahya b. Sharaf. 1994. *Sharh Sahih Muslim*. Dar al-Khayr: Beirut.

Al-Tabari, Muhammad Ibn Jarir. 2001. *Tafsir At Tabari*. Kaherah: Markaz al Buhuts Wa ad Dirasat al 'Arabiyah Wa al Islamiyah dan Dar Hijr.

Azizah Mat Rashid, Nor 'Adha Abd Hamid, Norita Kamaruddin. 2018. *Analisis Peruntukan Kesalahan Galakan Maksiat Dalam Perundangan Jenayah Syariah Di Malaysia*. Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference. Kuala Lumpur. 90-103.

Daud Muhammad. 2015. *Falsafah Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah: Satu Penghayatan Semula*. Kanun 27. 7-32.

Ibn Taymiyyah, Ahmad b. 'Abd al-Halim. 1976. *Al-Amr Bi Al-Ma 'Rūf Wa Al-Nahy 'An Al-Munkar*. Dar al-Qalam: Beirut.

Jamilah. 2017. *Konsep Dakwah Menurut Imam Syahid Hasan Al Banna (Kajian Amar Ma'ruf Nahi Munkar)*. IAIN Raden Intan Lampung. 1-94.

Kholid Saifulloh. 2019. *Studi Kritis Hukum Wasilah Maksiat*. Al-Majaalis Jurnal Dirasat Islamiyah. Volume 7 No.1. 43-71

Mar'atus Sholihah. 2019. *Konsep Amar Ma'ruf Nahi Munkar Al-Ghazali Dalam Kitab Ihya' 'Ulumuddin Dan Relevansinya Dengan Dakwah Zaman Modern Di Indonesia*. WALISONGO. 1-109.



Neti Hidayati. 2018. *Implementasi Amar Ma'ruf Nahi Munkar Dalam Kehidupan Sosial (Kajian Surat Ali-Imran)*. Universitas Islam Negeri (UIN) Raden Intan Lampung. 1-105.

Nur Al-Farhain Kamaruzaman & Kamaruzaman Yusof. 2021. *Konsep dan Aplikasi Hisbah Berkaitan Penguatkuasaan Undang-undang Moral Islam di Malaysia*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences. 146-157.

Siti Zubaidah Ismail. 2014. *Hudud Dan Undang-Undang Jenayah Syariah Dalam Kerangka Perlembagaan Dan Sistem Perundangan "Dualisme": Komitmen Pelaksanaan Ke Arah Membendung Jenayah Di Malaysia*. Jurnal Syariah, Jil. 22, Bil. 2. 193-212.

Yusuf Al-Qardhawi. 2012. *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam yang Kita Idamkan*. Terjemahan Mohamaz Zaini Yahaya. Penerbitan Seribu Dinars.

### **Laman Sesawang**

JAKIM, 2 Disember 2015, Garis Panduan Mengenai Maksiat Dari Perspektif Islam, <https://www.islam.gov.my/ms/garis-panduan/472-garis-panduan-mengenai-maksiat-dari-perspektif-islam>

Mohd Ajib Ismail, 24 Julai 2020, Metro-Natijah hilang rasa malu, <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/07/603284/natijah-hilang-rasa-malu>

Mohd Razin Rosely. Kemungkaran Dan Kemaksiatan Mengundang Azab Allah SWT. <http://pusatislam.usm.my/index.php/aktiviti/artikel/236-kemungkaran-dan-kemaksiatan-mengundang-azab-allah-swt>

### **Akta/enakmen**

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 19684

Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Negeri Perlis) 1991

Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Perak) 1992

Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992

Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Negeri Kelantan) 1985

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pahang) 2013

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001

Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991



The current issue and full text archive of this journal is available at  
<https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal>

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996  
Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sarawak) 2001